

## **MPP: Pelajar berwawasan kuasai KUTKM**

**Archival News | Utusan Malaysia | 04/01/2002**

MELAKA 3 Jan. \_ Pilihan raya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) bagi sesi 20012002 menyaksikan semua 13 calon yang dipilih terdiri daripada pelajar yang berwawasan.

Rektor Datuk Profesor Dr. Mohd. Ruddin Abdul Ghani berkata, mereka merupakan pemimpin pelajar berwibawa kerana boleh diketengahkan pada masa akan datang.

``Mereka merupakan pemimpin yang cukup memahami kehendak dan dasar kerajaan... pelajar berpotensi untuk masa depan negara,'' katanya ketika ditemui selepas pengumuman keputusan pilihan raya di kolej berkenaan, di Ayer Keroh, di sini, hari ini.

Dr. Mohd. Ruddin menjelaskan, pilihan raya berkenaan berjalan lancar tanpa sebarang unsur campur tangan pihak luar.

Dalam undian dijalankan hari ini, empat daripada sembilan calon bagi kerusi umum (keseluruhan) yang dipilih ialah Mohd. Rahshidi Zakaria (343 undi), Mohd. Zulkiflie Ali Mohd. Ghazaly (313), Rahim Selamat (303) dan Noraisah Kamarudin (294).

Bagi kerusi Fakulti Kejuruteraan Elektrik, tiga daripada lima calon yang menang dalam pilihan raya itu terdiri daripada Md. Salleh Gunong, Elyanie Nor Salim serta Nordiana Ahmad.

Kerusi Fakulti Kejuruteraan Elektronik dikuasai Khairuddin Osman, Khairul Nizam Othman dan Zaimi Ahmad. Seramai tujuh calon bertanding bagi kerusi tersebut.

Sementara itu, tiga kerusi Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi diisi oleh Raihan Ishak, Ng Gim Hee dan Mohd. Aidil Kauzi yang mengatasi tiga pencabar lain.

Seramai 27 calon bertanding dalam pilihan raya tersebut yang merupakan 2.89 peratus daripada 519 pelajar kolej berkenaan yang mengundi bagi sesi 20012002.

(Source : Utusan Malaysia)